

Harga vaksin di pusat perubatan swasta tertakluk Akta 273

Oleh [Latifah Arifin](#) - Jun 2, 2022 @ 6:18pm
latifah@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan harga vaksin COVID-19 di pusat perubatan swasta tertakluk kepada harga siling ditetapkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta) 273.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata pengamal perubatan swasta perlu mematuhi harga siling berkenaan.

"Merujuk kepada laporan akhbar bertajuk 'Government not controlling process of COVID-19 vaccines at private hospitals' pada 31 Mei 2022, KKM ingin memberikan penjelasan berhubung harga vaksin COVID-19 di pasaran swasta.

"Merujuk kepada Perintah P.U.(A)10/2022 bertarikh 15 Januari 2022 dan pindaan pada 20 Mei 2022, terdapat penetapan harga bagi dua produk vaksin yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan boleh dipasarkan di dalam pasaran swasta," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, kedua-dua produk berkenaan adalah CoronaVac Suspension for Injection SARCoV2 Vaccine (Verocell) dan COVILO Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell) dengan harga maksimum per dos bagi pembelian secara borong adalah RM62, sementara bagi jualan runcit, RM77.

"KKM juga ingin menjelaskan bahawa harga runcit maksimum yang ditetapkan ini tidak termasuk kos pengendalian perkhidmatan vaksinasi.

"Kos vaksinasi di pasaran swasta turut merangkumi caj termasuk fi konsultasi dalam Jadual Ketujuh di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), caj perkhidmatan, caj barangan pakai buang yang digunakan ketika mengendalikan suntikan vaksin COVID-19," katanya yang turut memberitahu caj berkenaan ditetapkan sendiri oleh pengamal perubatan dan hospital swasta terbabit.